



**MEMORANDUM CADANGAN PENAMBAHBAIKAN DAN REFORMASI
BERKAITAN PENDIDIKAN TINGGI NEGARA KEPADA
YANG BERTHORMAT DR. MASZLEE MALIK
MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA
OLEH
PERTUBUHAN PEMBANGUNAN PENYELIDIKAN DAN
DASAR PENDIDIKAN TINGGI MALAYSIA (PenDaPaT)¹**

Pengenalan

Memorandum ini disediakan oleh Pertubuhan Pembangunan Penyelidikan dan Dasar Pendidikan Tinggi Malaysia (PenDaPaT) bertujuan mencadangkan beberapa penambahbaikan kepada dasar dan amalan dalam pendidikan tinggi negara berdasarkan sintesis daripada dapatan kajian empirikal yang telah dihasilkan oleh kumpulan penyelidik berkaitan pendidikan tinggi. Sebagai sebuah pertubuhan yang bertanggungjawab untuk meningkatkan kualiti penyelidikan dan dasar Pendidikan tinggi Malaysia berdasarkan kesedaran, maka memorandum ini akan mencadangkan penambahbaikan kepada keseluruhan ekosistem IPT negara. Memorandum ini juga mengambil kira beberapa tuntutan yang telah dikemukakan dalam Buku Harapan serta pandangan masyarakat awam tentang reformasi pendidikan tinggi.

1. Menyantuni Pemansuhan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU)

Isu: Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) didakwa sebagai satu akta yang mengekang kebebasan akademik dan pelajar. Meskipun AUKU telah dipinda beberapa kali khususnya berkaitan dengan kebebasan pelajar untuk berpolitik, akta ini masih dilihat tidak relevan dalam perkembangan pendidikan tinggi semasa. Justeru, timbul cadangan pemansuhan AUKU oleh beberapa pihak dan ini juga menjadi tuntutan dalam Buku Harapan oleh Pakatan Harapan semasa Pilihan Raya Umum ke-14 baru-baru ini.

Cadangan 1a: Sekiranya AUKU dimansuhkan, **pemansuhan akta ini tidak boleh dilakukan secara drastik, sebaliknya berperingkat berdasarkan keutamaan dan artikel-artikel tertentu** seperti pelantikan pengurusan tertinggi universiti seperti ahli lembaga pengarah, naib canselor, dan timbalan naib canselor. Artikel berkaitan kegiatan pelajar ditiadakan dalam AUKU.

Cadangan 1b: Jika artikel berkaitan pelajar dimansuhkan dalam AUKU, **kawalan universiti terhadap kegiatan pelajar dalam dan luar universiti juga perlu ditiadakan.**

Cadangan 1c: Pada masa yang sama, bagi menggantikan AUKU, inisiatif untuk menubuhkan **Suruhanjaya Pendidikan Tinggi** perlu diusahakan. Suruhanjaya ini akan berfungsi untuk menetapkan hala tuju strategik pendidikan tinggi negara, mengagihkan sumber untuk pendidikan tinggi, mengawal selia kualiti dan kecemerlangan pendidikan tinggi melalui fungsi pemantauan berkala. Peranan badan ini memantau perkembangan universiti dari jauh perlu ditekankan, sesuai dengan semangat autonomi kepada universiti dan akauntabiliti universiti kepada masyarakat dan kerajaan.

Cadangan 1d: Selaras dengan semakan atau pemansuhan AUKU, **perkara yang sama juga perlu dilakukan kepada Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555).** Pemberat kepada institusi perniagaan perlu dikurangkan dan kedudukan universiti sebagai insituti pendidikan diberikan penekanan yang menyeluruh. Aspek kualiti IPTS tidak boleh dikompromi dengan kuasa perniagaan. Justeru, satu kajian perlu dicadangkan untuk mengkaji model perniagaan IPTS yang memberi lebih perhatian kepada aspek kualiti serta kelestarian dan bukannya aspek keuntungan semata-mata.

Rujukan

Chang-Da, Wan (2017) The History of Autonomy in Malaysia. <http://www.ideas.org.my/wp-content/uploads/2017/06/The-History-of-University-Autonomy-in-Malaysia-.pdf>

Morshidi, S. (2010) Strategic planning directions of Malaysia's higher education: university autonomy in the midst of political uncertainties. Higher Education, April 2010, Volume 59, Issue 4, pp 461–473.

2. Memperteguh Kelestarian Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)

Isu: Buku Harapan mahu menyusun semula struktur pembayaran pinjaman PTPTN supaya jumlah pembayaran bergantung kepada jumlah gaji peminjam. Ini termasuk menangguhkan bayaran balik pinjaman PTPTN kepada peminjam yang mendapat gaji kurang RM4000 sebulan. Penetapan *threshold* pada kadar RM4000 akan memberi lebih ruang kepada graduan untuk merancang kehidupan, namun KPT perlu realistik kerana ia tidak dapat mengatasi isu dan cabaran yang lebih besar, iaitu kelestarian PTPTN.

Cadangan 2a: Penetapan *threshold* perlu mengambil kira **kadar purata gaji semasa graduan, repayment burden dan juga sustainability serta kecukupan PTPTN.** Selain daripada penetapan *threshold*, kaedah bayaran balik pinjaman perlu dilakukan dengan cara yang lebih sistematik. **Kerajaan perlu mempunyai pangkalan data yang lengkap berkaitan pendapatan graduan dan bayaran balik pinjaman boleh diuruskan melalui potongan majikan dan juga melalui Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).**

Rujukan

Lim Hock Eam, Russayani Ismail & Yusnidah Ibrahim (2014). "The Implications of Graduate Labor Market Performance in Designing a Student Loan Scheme for Malaysia". In Bruce Chapman, Timothy Higgins and Joseph E. Stiglitz (Eds.), *Income Contingent Loans, Theory, Practice and Prospects*. International Economic Association. United Kingdom: Palgrave Macmillan.

A Review, Investigation and Recommendations towards the Transformation of Higher Education Funding in Malaysia. A Research Report Submitted to KPT

3. Memperkukuh Governan Agensi Kepemimpinan Pendidikan Tinggi

Isu: Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) telah ditubuhkan bertujuan melatih kumpulan pemimpin dan pelapis pemimpin yang mampu menggerakkan perubahan serta memacu kecemerlangan IPT. Namun mutakhir ini, fungsi AKEPT telah bertukar-tukar, kadang kala lari daripada fokus utama dan terpaksa mengikut keperluan semasa Menteri dan Ketua Setiausaha (KSU).

Cadangan 3a: Memorandum ini mencadangkan **AKEPT distrukturkan semula sebagai sebuah badan berkanun yang lebih bebas** dan mempunyai sistem governan terutama lembaga pengarah yang tersendiri.

4. Mengembalikan Ekosistem dan Budaya Akademik Tulen berasaskan Kecemerlangan

Isu: Ekosistem akademik cemerlang di IPT tidak diberi perhatian secara berstruktur. Justeru, IPT berhadapan dengan isu berkaitan pemilihan dan pelantikan akademik pakar yang berkeperibadian unggul, Lantikan Dekan dan Pengarah berwibawa, keseimbangan antara kualiti dan kuantiti, kemerosotan profesion akademik, kebejatan nilai teras akademik, isu etika dan salah guna kuasa dan budaya politik yang semakin menular dalam dunia akademik. Lebih memburukkan lagi keadaan, penekanan terhadap retorik melalui slogan dan *battle cry* berbanding aspek-aspek substantif (pengisian) yang berkaitan dengan budaya dan kecemerlangan akademik telah menenggelamkan fokus utama kementerian dan IPT.

Cadangan 4a: Budaya politik di universiti dihapuskan dengan **HANYA** memberi tumpuan kepada peranan-peranan asas institusi ilmu, iaitu penerokaan dan penyebaran ilmu kepada pelbagai pihak berkepentingan. Ini termasuk memberi perhatian kepada merit dalam semua aspek pendidikan tinggi khususnya dalam memilih dan melantik ahli akademik baharu, pemimpin pertengahan dan kenaikan pangkat. Selain itu, pelantikan kepemimpinan mestilah berasaskan kesarjanaan dan kewibawaan akademik kerana pemimpin adalah *benchmark* kepada tahap kecemerlangan institusi. **Penetapan KPI di peringkat kementerian dan universiti perlu lebih menyeluruh iaitu, meliputi dan menekankan aspek kualiti keberhasilan dan bukan kuantiti semata-mata.**

Cadangan 4b: Proses dan kriteria kenaikan pangkat ahli akademik di UA perlu diperkemas untuk menjamin ketelusan proses dan penekanan kepada tahap kesarjanaan. Keahlian dan

kewibawaan panel penilai dalam dan luar yang sering diragui perlu diberikan perhatian bagi memastikan hanya kesarjanaan digunakan sebagai intipati penilaian kecemerlangan akademik. **Empat laluan kerjaya dan kriteria kenaikan pangkat yang dicadangkan dalam *Orange Book* perlu dilihat semula kerana telah disalah ertikan dalam konteks kecemerlangan kesarjanaan.**

Cadangan 4c: Bagi mengarusperdanakan budaya akademik tulen iaitu sentiasa mendukung dan menggalakkan kecemerlangan akademik di IPT, terdapat keperluan agar **wacana budaya akademik kerap diadakan di universiti dan kementerian dengan penekanan yang menjurus hanya kepada peranan utama institusi akademik (fit for purpose)**. Hal ini penting supaya kecemerlangan akademik dibudaya dan membudaya sehingga mengakar ke lubuk hati ahli akademik. Kesedaran secara kolektif tentang budaya akademik cemerlang perlu dipertingkatkan lagi. Aspek nilai teras dan WIP (Wibawa, Integriti dan Profesionalisme) perlu dijadikan asas kepada semua urusan KPM dan IPT.

Cadangan 4d: mengamalkan budaya baru dari aspek pengurusan kejut (lean management) serta menghapuskan karenah birokrasi dan budaya kerja 'tiada kesegeraan'

Rujukan

Norzaini Azman, Ibrahim Che Omar, AIDA Suraya Md Yunus & Ahmad Nurulazam Md Zain. 2016. Academic Promotion in Malaysian Public Universities: A Critical Look at Issues and Challenges. *Oxford Review of Education*, (1), 71-88.

Laporan Kajian Membina Ekosistem Berasaskan Akademik Berbudaya Cemerlang (ABC), 2016.

5. Penilaian Semula Skim Perkhidmatan Ahli Akademik

Isu: Skim perkhidmatan ahli akademik selama ini terikat dengan Skim Perkhidmatan Awam. Justeru, pengurusan ahli akademik ibarat penjawat awam yang tertakluk kepada sistem yang mempunyai birokrasi tinggi, perlu memenuhi Indeks Prestasi Utama (KPI), pematuhan ISO dan akurasi usia persaraan yang standard. Akibatnya, ahli akademik UA sangat selesa dengan profesion yang diakhiri dengan pencen apabila bersara wajib pada umur 60 tahun. Ini bukanlah budaya kecemerlangan yang mengambil kira aspek *tangible* dan *intangible*.

Cadangan 5a: Skim perkhidmatan ahli akademik sedia ada dikaji semula dan ditambah baik. Malah, adalah diharapkan dalam masa terdekat, **skim perkhidmatan ahli akademik diletakkan di bawah skim yang baharu dan tersendiri yang tidak terikat dengan skim perkhidmatan awam. Cadangan ini akan memberi banyak impak antaranya usia persaraan baharu dalam kalangan ahli akademik.** Hal ini penting kerana usia persaraan ahli akademik tidak boleh disamakan seperti penjawat awam yang lain.

Memetik titah mantan Canselor Universiti Malaya, Almarhum Sultan Azlan Shah Muhibbuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Yussuff Izzuddin Shah Ghafarullahu-lah di Istiadat Konvokesyen UM ke-49, "*Adalah satu kerugian besar kepada institusi dan negara apabila seorang sarjana yang telah mencapai status kematangan terpaksa meninggalkan tugas di*

universiti kerana terikat dengan skim perkhidmatan yang mewajibkan mereka bersara. Melahirkan seorang sarjana yang hebat memerlukan masa yang lama dan untuk itu, sarjana yang hebat perlulah dimanfaatkan oleh institusi untuk tempoh yang optimum”.

Rujukan

Laporan Kajian Membina Ekosistem Berasaskan Akademik Berbudaya Cemerlang (ABC), 2016.

Mohd Izani Mohd Zain & Norzaini Azman (Ed). 2017. Wacana Akademia: Mentransformasi Kepemimpinan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) di Malaysia. Transformasi kepimpinan IPT di Malaysia, Penerbit UPM dan AKePT: Serdang.

Laporan Kajian Memperkasa Kepimpinan Akademik: Semai Bakti menuai Budi, 2016

“Beri Kelonggaran Usia Persaraan Tenaga Akademik Universiti-Sultan Azlan Shah”, Utusan Malaysia, 3 Ogos 2010.

6. Mengimbangi Sistem Penarafan Ranking Universiti dengan Etika Akademik

Isu: Universiti penyelidikan seharusnya boleh menjadi pemain global dan kecemerlangannya boleh ditentukan oleh ranking. Namun tidak dinafikan, terdapat amalan yang tidak menepati etika akademik khususnya dalam aspek penerbitan tidak berkualiti, penggunaan wang dalam projek penjenamaan dan promosi serta pembayaran kepada jurnal-jurnal pemangsa/*predatory*. Proses mengejar ranking ini secara tidak langsung telah menggugat etika dan budaya akademik. Ia sama sekali tidak boleh terus berleluasa kerana matlamat tidak menghalalkan cara. Jelas bahawa penularan amalan negatif dalam penyelidikan dan penerbitan tidak diberi perhatian yang sewajarnya oleh pihak IPT dan KPT. Disamping itu, kriteria penilaian penyelidikan oleh pihak MYRA dan IPT masih tertumpu kepada aspek kuantiti dan kumulatif penyelidikan. Akibatnya, ramai ahli akademik (dengan sokongan institusi) telah menerbit dalam jurnal pemangsa (*Predatory Journals*) atau penerbit yang diragui kewibawaannya di samping menggunakan dana penyelidikan dan universiti untuk menampung pembayaran tinggi yang dikenakan oleh jurnal-jurnal tersebut.

Cadangan 6a: Mencadangkan agar **HANYA** lima (5) buah universiti penyelidikan sahaja yang memberi fokus kepada ranking. Universiti awam lain diminta untuk terus memberi perhatian kepada proses pembangunan negara bangsa yang tentunya menekankan antaranya soal penjenamaan insan dan tenaga kerja berpengetahuan dan berkemahiran tinggi.

Cadangan 6b: MYRA memperkemas kriteria kualiti penerbitan serta terus menyenaraihitamkan jurnal yang diragui. Dicadangkan semua artikel yang diterbitkan oleh jurnal pemangsa (*Predatory Journals*) atau penerbit yang diragui **TIDAK** diambil kira dalam penilaian MYRA dalam tempoh dua ke tiga tahun kebelakang. Hal ini penting untuk membentaras kegiatan ahli akademik yang terus menerus mencari jurnal yang tidak berkaitan dengan bidang atau jurnal berbayar yang dijamin penerbitannya sebagai tempat untuk mereka memenuhi KPI penerbitan tahunan.

Rujukan

Morshidi Sirat, **Norzaini Azman** & Chang Da Wan. 2017. The Dilemma of University Rankings in Policy and Policymaking: The Malaysian Experience. In Ellen Hazelkorn. Global Ranking and Geopolitics of Higher Education. **Routledge**: London

Norzaini Azman & Faridah Mydin Kuty (2016). Imposing Global University Rankings on Local Academic Culture: A Case Study of the National University of Malaysia. In Maria Yudkevich, Phillip G. Altbach, & Laura E. Rumbley, (Eds.), The Global University Rankings Game: Changing Institutional Policy, Practice, and Academic Life. **Routledge**: New York.

7. Menjamin Graduan Pascasiswazah Berkualiti

Isu: Dalam usaha memenuhi sasaran 60,000 graduan PhD di negara menjelang 2023, UA khususnya universiti penyelidikan telah begitu ghairah menerima ramai calon PhD tanpa mengambil kira aspek kesesuaian dan tahap intelektual mereka. Akibatnya ada fakulti di UA telah mengambil seramai mungkin calon pelajar melalui sistem biasa dan sistem eksekutif untuk menambah pendapatan. Ini menyebabkan sesetengah ahli akademik mempunyai beban penyeliaan yang tidak munasabah (contoh 1 pensyarah:35 pelajar) yang secara langsung menjejaskan kualiti penyeliaan dan tesis pelajar. Pemilihan panel pakar atau penilaian tesis juga diragui dan ini dilakukan dalam usaha untuk mempercepatkan proses menggraduatkannya pelajar dan mengejar kuantiti pelajar bergraduatkannya. Dalam banyak kes, kualiti penyelidikan dan tesis bukan lagi menjadi ukuran utama.

Cadangan 7a: Pihak MQA tidak hanya memastikan proses perjalanan program siswazah sahaja tetapi **perlu memberi tumpuan kepada kualiti tesis, penyelia dan panel penilai**. Kualiti Penyelidikan PhD juga boleh dikenal pasti berasaskan output penerbitan dalam bidang dan berimpak (bukan dalam jurnal pemangsa)

8. Mengembalikan Peranan Asal Ahli Akademik

Isu: Peranan ahli akademik semakin kompleks seiring dengan perubahan dan tuntutan semasa. Ahli akademik bukan sahaja perlu mengajar, menyelidik dan menjayakan pemindahan ilmu serta kepakaran, tetapi menjana pendapatan untuk universiti. Tidak dinafikan, peranan baharu ini sedikit sebanyak telah mengganggu fokus dan tugas hakiki ahli akademik.

Cadangan 8a: Mencadangkan agar urusan menjana kewangan haruslah dipikul oleh entiti khusus seperti anak syarikat universiti atau *holdings*. Pada masa yang sama, peranan *bursar* perlu diperluaskan dan merangkumi penjanaan pendapatan. **Memorandum ini juga mencadangkan agar universiti awam boleh memperkenalkan sistem kewangan korporat untuk mengurus dana bukan geran kerajaan dan mewujudkan jawatan Ketua Pegawai Kewangan (CFO)**. Dalam hal ini, CFO perlu bertindak sebagai penggerak utama governan kewangan institusi.

Rujukan

Ibrahim Komoo dan Norzaini Azman (2017). Kepemimpinan dan Governan Universiti Cemerlang, dalam buku Transformasi Kepemimpinan Institusi Pendidikan Tinggi di Malaysia, halaman 57-58.

Laporan Kajian Memperkasa Kepimpinan Akademik: Semai Bakti Menuai Budi, 2016

9. Menggunakan Data Empirikal Sebelum Membangunkan Dasar dan Polisi

Isu: Dalam usaha menjayakan sektor pendidikan tinggi negara, dasar dan strategi perlu dibangunkan. Lebih-lebih lagi, apabila kementerian diterajui oleh menteri baharu, maka akan wujud juga dasar dan polisi baharu. Tidak dinafikan, sebahagian dasar yang diperkenalkan adalah baik namun sebahagiannya boleh dipertikaikan akan kesesuaian pelaksanaannya. Hakikatnya, banyak kajian dasar berkaitan pendidikan tinggi telah dilakukan sebelum ini oleh kumpulan penyelidik universiti dengan peruntukan yang besar, namun kebanyakan kajian ini hanya disimpan dan tidak dimanfaatkan untuk penggubalan dasar atau sekurang-kurangnya dimasukkan dalam ucapan menteri. Hal ini berlaku atas beberapa faktor seperti menjaga kerahsiaan dan akurasi terhadap hak cipta.

Cadangan 9a: Justeru, ada dasar yang terpaksa ditangguhkan pelaksanaannya kerana ia memerlukan kajian semula. **Sehubungan dengan itu, memorandum ini mencadangkan sebelum apa-apa dasar mahupun strategi diperkenalkan oleh kementerian, ia hendaklah menggunakan data empirikal, iaitu hasil kajian yang telah melalui proses perbincangan yang mendalam.** Dalam kata lain, penggubalan dasar dan strategi perlu memanfaatkan hasil kajian khususnya kajian dasar sedia ada.

Rujukan

Sirat, M & Azman, N. 2014. Malaysia's National Higher Education Research Institute (IPPTN): Narrowing the research-policy gap in a dynamic higher education system. *Studies in Higher Education* 39(8), 1451-1462

¹ PenDaPaT adalah pertubuhan berdaftar (Nombor pendaftaran: PPM-016-07-26012015) di bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM/ROS). Berdasarkan perlembagaan, pertubuhan ini berusaha untuk memartabatkan dasar dan amalan pendidikan tinggi berteraskan keserjanaan, serta memantapkan hubungan dasar dan amalan pengajian tinggi negara kepada pembangunan negara.